

Media Title : Sinar Harian
Headline : Upah RM400 jadi keldai akaun
Date : 16 September 2023
Section : Mahkamah & Jenayah
Page : 21



Upah RM400 jadi keldai akaun

RAMLI berkata, menggunakan keldai akaun antara modus operadi sindiket *phone scam* bagi memastikan kegiatan haram mereka sukar dikesan.

"Terdapat 'ejen' atau individu tertentu yang memainkan peranan bagi mencari keldai akaun.

"Sindiket akan meminta individu yang dijadikan sebagai keldai akaun ini untuk mendaftarkan nombor telefon yang diberikan.

"Keldai akaun ini seterusnya perlu menyerahkan maklumat nombor kad dan pin akaun baharu kepada ejen terbabit," katanya.

Beliau berkata, JSJK ada mengesan sindiket yang mengambil kesempatan dengan membayar sejumlah wang kepada Orang Asli untuk membuka akaun.

"Selain itu, golongan muda terdiri

daripada kalangan penuntut institut pengajian tinggi selain penjawat awam serta swasta juga antara yang direkrut sindiket sebagai keldai akaun.

"Ada sebahagian mereka ini sedar dipergunakan kerana beranggapan tidak akan mengalami apa-apa kerugian, malah mendapat upah daripada pembukaan akaun baharu itu.

"Kita kesan, golongan pelajar contohnya dibayar sekitar RM400 hingga RM500 untuk membuka satu akaun.

"Akaun yang dibuka itu akan diberikan upah sebagai balasan membantu 'menjual' akaun tersebut kepada pihak sindiket," jelasnya.

Ramli berkata, bagi tempoh sejak tahun 2016 hingga Julai lalu, JSJK mengesan sebanyak 175,327 akaun bank diguna sindiket penipuan.

Ujar beliau, masyarakat perlu sedar

tentang keldai akaun yang berbahaya ini kerana jika berlaku sebarang jenayah, akaun itu akan dibekukan dan nama mereka tersenarai sebagai pemilik akaun yang bersekongkol dengan perbuatan jenayah.

Tegasnya, pemilik akaun itu akan direkodkan dalam kesalahan jenayah kerana terlibat dengan aktiviti penipuan, sekali gus menjejaskan masa depan kerana memiliki rekod jenayah.

"Bagi penjawat awam pula, akaun peribadi yang digunakan *scammer* itu akan menyukarkan proses penerimaan gaji.

"Ini kerana pihak bank akan membekukan semua akaun yang membabitkan nama si pelaku yang terlibat dengan jenayah dan oleh itu, jangan mudah terpengaruh dengan sebarang ajakan yang cuba memperdayakan kita untuk menjadi keldai akaun," katanya.

! BAHAYA !
KELDAI AKAUN

Pernah menyerahkan kad ATM anda kepada orang lain ??
Anda menerima bayaran dari urusan tersebut ??

Anda adalah KELDAI AKAUN!

Akaun anda mungkin digunakan untuk tujuan **JENAYAH!**

Anda boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan !!

Semak nombor akaun terlibat dengan kes jenayah di -
<http://ccid.rmp.gov.my/semakmule>

Maklumat kesedaran bahaya *Macau Scam* sering kali diuar-uarkan PDRM bagi mengingatkan orang ramai.